

1.0 Pengenalan (Definisi Untung)

Perkataan untung menurut Kamus Dewan membawa maksud hasil pendapatan.

Untung bermaksud lebih wang yang diperolehi oleh firma ataupun perusahaan selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam suatu tempoh pengiraan sesuatu akaun.

Indonesia pula, perkataan untung sinonim dengan perkataan laba dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai profit.

Untung bersih pula, ahli-ahli ekonomi lazimnya mengasingkan pulangan implisit yang mengandungi bayaran sewa dan faedah.

"Untung bersih" pula diperolehi setelah ditolak dengan pulangan implisit yang menghasilkan untung asli (pure profit).

Perakaunan pula memperoleh untung terhasil daripada pengurangan pelbagai kos yang dibelanjakan daripada hasil jualan yang diperolehi.

Kos tersebut meliputi perbelanjaan untung barang mentah, pembayaran upah, faedah, sewa tanah dan juga susut nilai (depreciation). Hasilnya untung ini merupakan perbezaan nilai wang daripada hasil jualan yang diperolehi dengan seluruh kos yang dibelanjakan.

2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Al-ribh, berasal daripada kata dasar rabiha yang bermaksud pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan.

Menurut bahasa Arab, untung adalah lebihan dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua unsur pengeluaran utama iaitu usaha (al-c amal) dan modal (ra'su al-mal).

2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM (cont)

Ahli tafsir memberikan takrifan untung berpandukan surah al-Baqarah ayat ke-16 yang bermaksud: "Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk, maka tidak beruntunglah perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk.

Membawa maksud pertambahan (al-zi-yadah) atau lebihan (alfadl) ke atas modal.

Imam al-Tabari berpandangan keuntungan daripada para peniaga ialah pertukaran daripada suatu barangan yang dimiliki sama ada nilai pertukaran itu sama atau melebihi harga belian.

Keuntungan barang perniagaan pula ialah hasil daripada pertukaran harta.

Menurut al-Qurtubi pula, maksud untung perniagaan dalam surah al-Baqarah di atas adalah merujuk kepada kebiasaan orang Arab yang sering mengungkapkan ayat rabaha baic uka yang bermaksud 'beruntunglah perniagaan kamu' atau khasarat safaqtuka yang bermaksud 'rugilah transaksi kamu.

Imam al-Alusi berpandangan keuntungan adalah usaha untuk mendapatkan lebihan modal melalui modal atau tahsil al-ziyadah ala ra's al-mal.

Imam al-Alusi berpandangan keuntungan adalah usaha untuk mendapatkan lebihan modal melalui modal atau tahsil al-ziyadah ala ra's al-mal.

Dapatlah diringkaskan bahawa matlamat peniaga sebenarnya adalah untuk mendapatkan kembali modal yang disumbangkan serta meraih keuntungan.

al-Baqarah ayat ke 16.

Para Fuqaha' turut membahaskan secara terperinci konsep dan definisi keuntungan.

Bab zakat dan keduanya dalam bab al-murabahah.

Bab zakat, keuntungan (al-ribh) bermaksud pertambahan ke atas modal.

2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM (cont)

Dalam Islam, kewajipan zakat (harta) hanya dikenakan ke atas harta yang berkembang (al-namiyah).

Al-murabahah, keuntungan (al-ribh) mempunyai dua pengertian yang dapat disimpulkan iaitu "pertambahan ke atas modal" dan keduanya "pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam memperoleh lebihan tersebut.

Terdapat beberapa Fuqaha' seperti al-Hanafiyyah, al-Syaficiyyah, al-Hanabilah, al-Mamiyyah serta al-Zaydiyyah mendefinisikan modal.

Seterusnya dalam bab al-mudarabah ataupun al-qirad, para Fuqaha' membincangkan konsep keuntungan (al-ribh) sebagai suatu kontrak antara dua orang atau lebih untuk berkongsi keuntungan tanpa berkongsi dalam modal.

Al-Baghdadi membincangkan konsep keuntungan secara jelas dengan menyatakan "sesungguhnya keuntungan itu adalah lebihan ke atas modal".

Ibnu Qudamah pula mengistilahkan untung sebagai satu lebihan ke atas modal. Jika sesuatu modal tidak menghasilkan lebihan, maka ia tidak dinamakan sebagai untung.

Bapa ekonomi Islam iaitu Abdul Rahman bin Khaldun al Maghribi ataupun Ibn Khaldun dalam karya terkenalnya "Muqadimah Ibn Khaldun" mendefinisikan untung sebagai nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia.

Seterusnya ahli ekonomi Islam iaitu Khurshid Ahmad dan Muhammad Nejatullah Siddiqi memberikan definisi untung sebagai apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana mengikut hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran.



2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM (cont)

Daripada pelbagai pendefinisian, jelas sekali Islam begitu menggalakkan umatnya untuk cemerlang dalam kehidupan duniawi khususnya yang melibatkan aktiviti perdagangan dan penghasilan untung.

3.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA'

Keuntungan kepada dua bentuk, pertama, al-ghabn al-fahisy dan kedua al-ghabn alyasir.

3.1 Dikemukakan oleh Pendekatan sebahagian ulama' Hanafi, Pertama: al-Maliki dan Syafi'. Ukuran Yang Tetap

Al-Khajnadi dari golongan Hanafi melihat al-ghabn al-fahisy adalah pada takat melebihi nisf al-usyur, manakala al-ghabn al-yasir pula tidak melebihi (nisf al-usyur) atau tepat pada kadar nilf al-usyur.

3.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA' (cont)

Ibn Yahya al-Balkhi berpandangan al-ghabn pada barang perniagaan (al-arud) adalah nilf al-usyur, pada haiwan adalah al-usyur iaitu satu persepuluh (1/10) dan pada barangan tak alih atau al-aqar seperti bangunan adalah sebanyak al-khumus atau satu perlima (1/5).

Golongan Syafi'i pula melihat al-ghabn al-fahisy berlaku ketika mana kadar keuntungan yang diambil adalah melebihi al-thuluth ataupun satu pertiga(1/3).

3.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA' (cont)

Golongan Hanbali seterusnya merujuk terjadinya al-ghabn al-fahisy adalah pada kadar al-thuluth atau satu pertiga (1/3), atau al-sudus iaitu satu perenam (1/6). Tetapi al-Mardawi melebihkannya seperti mana sebahagian yang lain pada kadar al-rubu iaitu satu perempat (1/4).

Golongan al-Ibadiyyah pula menetapkan kadar al-thuluth atau satu pertiga (1/3) atau lebih.

3.2 Pendekatan ini dikemukakan oleh golongan Hanafi pada Kedua: riwayat yang jelas. Ukuran Yang Fleksibel

Golongan Maliki pada satu pendapat dan sebahagian ulama' Hanbali dengan riwayat yang tepat di dalam mazhabnya.



3.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA' (cont)

Golongan Maliki pada satu pendapat dan sebahagian ulama' Hanbali dengan riwayat yang tepat di dalam mazhabnya.

Ibn Abidin melihat al-ghabn al-fahisy sebagai suatu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksir (almuqawwim) 51.

Dalam hal ini, sekiranya kadar keuntungan yang dibuat melebihi taksiran pentaksir, maka keuntungan tersebut akan dianggap al-ghabn al-fahisy.

Sebahagian ulama' dari kalangan Maliki pula memberikan pilihan sekiranya berlaku al-ghabn al-fahisy. Mereka hanya berbeza pandangan dalam penetapan kadar al-ghabn.

3.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA' (cont)

Al-Mardawi pula berpendapat bahawa nisbah al-ghabn atau keuntungan perlu mengambil kira al-uruf semasa (kebiasaan) dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi.

4.0 KESIMPULAN

Konsep untung dalam Islam seperti mana yang diperbahaskan oleh para fuqaha' begitu jelas sekali .

Sebagai panduan dalam menentukan kadar dan nisbah.

Nisbah yang ditetapkan ini bukan sahaja tidak membebankan para pembeli, malah dapat menjamin kelangsungan perniagaan.

Dapat disimpulkan bahawa keuntungan sama ada dalam ekonomi konvensional mahupun Islam sentiasa berubah dari semasa ke semasa bagi memenuhi matlamat yang satu iaitu untuk keperluan manusia keseluruhannya.

Keuntungan yang terhasil dalam ekonomi Islam yang adalah berlandaskan ketetapan Syarak.

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah untung yang diiktiraf oleh Islam ialah untung yang bebas daripada unsur-unsur haram seperti riba, ghabn, gharar dan ihtikar.

